



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PUNCA SEBENAR KEMATIAN KANAK-KANAK DI SAMARAHAN MASIH DALAM SIASATAN

Putrajaya, 11 Oktober 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin merujuk kepada laporan di media mengenai satu kes kematian membabitkan seorang kanak-kanak lelaki berumur empat (4) tahun dari Samarahan, Sarawak yang meninggal dunia pada 8 Oktober 2025 di Hospital Umum Sarawak (HUS). KKM merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham dan mendoakan mereka tabah menghadapi kehilangan ini.

Siasatan awal mendapati pesakit mula mengalami demam panas pada 5 Oktober 2025 dan telah mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta pada 6 Oktober 2025. Dalam **perjalanan pulang dari klinik**, pesakit telah **mengalami sawan** dan dikejarkan ke hospital untuk rawatan kecemasan. Oleh kerana keadaan kes yang kritikal, beliau telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak (PICU).

Walau bagaimanapun, pesakit tidak dapat diselamatkan dan disahkan meninggal dunia pada 8 Oktober 2025. KKM mengucapkan salam takziah kepada ahli keluarga arwah. **Hasil siasatan awal mendapati punca kematian adalah radang otak (ensefalitis) yang boleh disebabkan oleh pelbagai jenis virus.** Pelbagai ujian makmal telah dijalankan bagi menentukan punca kematian. Antara keputusan makmal yang didapati positif adalah Influenza A, namun punca sebenar kematian masih dalam siasatan lanjut oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

KKM menasihatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada terhadap jangkitan Influenza, **khususnya semasa musim peningkatan kes.** Secara umumnya, **influenza boleh pulih tanpa rawatan khusus.** Walau bagaimanapun individu yang mengalami gejala seperti demam, batuk, sakit tekak, sakit badan atau keletihan dinasihatkan untuk segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran terutamanya bagi kanak-kanak dan individu berisiko tinggi. **Rawatan awal penting bagi mengelakkan komplikasi serius.**

Orang ramai juga digalakkan untuk mengamalkan etika batuk yang betul, menjaga kebersihan tangan dengan kerap, mengelakkan berada di tempat sesak jika bergejala, serta memakai pelitup muka sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan sebagai langkah pencegahan dan perlindungan kepada orang lain.

KKM akan terus memantau perkembangan semasa dan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengekang penularan jangkitan Influenza. Orang ramai diseru untuk terus peka terhadap kesihatan diri dan keluarga, serta mengamalkan langkah pencegahan sendiri bagi mengurangkan risiko jangkitan.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia**

